



**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
SUNGAI LANG  
45100 SUNGAI AIR TAWAR  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI TUJUAN SEWAAN RUANG PREMIS KAFETERIA  
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH 2024**

<b>TARIKH IKLAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>DOKUMEN MAKLUMAT AM DAN ARAHAN RFP</b>	<b>LAWATAN TAPAK</b>	<b>TARIKH TUTUP TAWARAN</b>
<b>19 Mac 2024</b>	<b>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI TUJUAN SEWAAN RUANG PREMIS KAFETERIA DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH</b>	Dokumen Maklumat Am Dan Arahan RFP boleh didapati secara <b>PERCUMA</b> di laman web Politeknik Sultan Idris Shah ( <a href="https://psis.mypolycc.edu.my/index.php/interaktif/seb-ut-harga-tender">https://psis.mypolycc.edu.my/index.php/interaktif/seb-ut-harga-tender</a> )  mulai 19 Mac 2024 sehingga tarikh tutup.	<b>Tarikh :</b> <b>27 Mac 2024</b>  <b>Waktu:</b> <b>10.00 Pagi</b>  <b>Lokasi:</b> <b>Bilik Seri Tanjung,</b> <b>Politeknik Sultan Idris Shah</b>	<b>Tarikh:</b> <b>27 Mac 2024</b>  <b>Waktu:</b> <b>12.00</b> <b>Tengahari</b>

**\*\*Kehadiran pemilik / pengusaha KAFETERIA ke Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN**



**DOKUMEN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)  
POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

***REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI TUJUAN SEWAAN RUANG PREMIS  
KAFETERIA DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH  
(PSIS/700-1/1 JILID 5)**

1. Pelawaan dibuka kepada syarikat yang berminat dan memenuhi syarat asas kelayakan untuk mengemukakan Kertas Cadangan *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) Bagi Tujuan Sewaan Ruang Premis Kafeteria Di Politeknik Sultan Idris Shah seperti berikut:

<b>Tarikh Iklan</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Dokumen Maklumat Am Dan Arahan RFP</b>	<b>Lawatan Tapak</b>	<b>Tarikh Tutup Tawaran</b>
<b>19 Mac 2024</b>	<b><i>REQUEST FOR PROPOSAL</i> (RFP) BAGI TUJUAN SEWAAN RUANG PREMIS KAFETERIA DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH</b>	Dokumen Maklumat Am Dan Arahan RFP boleh didapati secara <b>PERCUMA</b> di laman web Politeknik Sultan Idris Shah ( <a href="https://psis.mypolycc.edu.my/index.php/interaktif/sebut-harga-tender">https://psis.mypolycc.edu.my/index.php/interaktif/sebut-harga-tender</a> ) mulai 19 Mac 2024 sehingga tarikh tutup.	Tarikh : <b>27 Mac 2024</b>  Waktu: <b>10.00 Pagi</b>  Lokasi: <b>Bilik Seri Tanjung, Politeknik Sultan Idris Shah</b>	<b>27.03.2024 Jam 12.00 tengah hari</b> (Dokumen yang dihantar lewat tidak akan diterima)

2. Syarikat yang berminat **WAJIB** membaca dan memahami Dokumen Maklumat Am dan Arahan RFP bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kerugian akibat kecuaihan syarikat terhadap perkara tersebut. Selain itu, kehadiran pemilik / pengusaha kafeteria ke Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang ditetapkan adalah **DIWAJIBKAN**.
3. Dokumen Kertas Cadangan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan tajuk dan No. RFP disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Sungai Lang  
45100 Sungai Air Tawar  
Selangor Darul Ehsan  
(u.p: Unit Khidmat Pengurusan)**

4. Politeknik Sultan Idris Shah tidak terikat untuk menerima mana-mana Dokumen Cadangan yang dikemukakan oleh pihak syarikat. Politeknik Sultan Idris Shah berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Dokumen Cadangan oleh pihak syarikat.

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI TUJUAN SEWAAN RUANG PREMIS  
KAFETERIA DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH  
(PSIS/700-1/1 JILID 5)**

**DOKUMEN MAKLUMAT AM DAN ARAHAN RFP**

**MAKLUMAT AM**

1. Pengusaha yang berminat untuk menyewa Ruang Premis Kafeteria Di Politeknik Sultan Idris Shah, Sg. Lang, 45100 Sg Air Tawar, Selangor **bagi tempoh Dua (2) Tahun** adalah dipelawa untuk mengemukakan Cadangan Perkhidmatan selewat-lewatnya pada 27 Mac 2024 jam 12.00 tengahari.
2. Terdapat lapan (8) unit gerai di Kafeteria Pentadbiran dan lapan (8) unit gerai di Kafeteria Asrama (KAMSIS) yang ditawarkan untuk sewaan dan penetapan kedudukan gerai oleh pengusaha yang berjaya akan dimuktamadkan oleh pihak Politeknik Sultan Idris Shah. Butiran adalah seperti di bawah:-

<b>Lokasi Kafeteria</b>	<b>Unit Gerai</b>	<b>Catatan</b>
Kafeteria Pentadbiran	8	Kesemua jenis makanan dan minuman <b>HALAL</b> yang bersesuaian dijual kepada pelajar dan staf politeknik dengan harga yang munasabah. Satu (1) lot Kafeteria di asrama atau Kafeteria di pentadbiran boleh mencadangkan apa jua jenis makanan dan minuman mengikut kreativiti dan kemahiran masing-masing.
Kafeteria Asrama	8	Kesemua jenis makanan dan minuman <b>HALAL</b> yang bersesuaian dijual kepada pelajar dan staf politeknik dengan harga yang munasabah. Satu (1) lot Kafeteria di asrama atau Kafeteria di pentadbiran boleh mencadangkan apa jua jenis makanan dan minuman mengikut kreativiti dan kemahiran masing-masing.
<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	

a. Kafeteria Pentadbiran

<u>NO. 4</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 3</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 2</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 1</u> MAKANAN & MINUMAN

<u>NO. 5</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 6</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 7</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 8</u> MAKANAN & MINUMAN

b. Kafeteria Asrama

<u>NO. 4</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 3</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 2</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 1</u> MAKANAN & MINUMAN

<u>NO. 5</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 6</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 7</u> MAKANAN & MINUMAN
<u>NO. 8</u> MAKANAN & MINUMAN

3. Satu Kontrak akan dimeterai bersama pengusaha yang berjaya bagi tujuan memelihara kepentingan Kerajaan Malaysia dan pengusaha berjaya memahami obligasi masing-masing dalam melaksanakan perkhidmatan.
4. Pengusaha yang dipilih menjalankan perkhidmatan di **Kafeteria Pentadbiran** dikehendaki membayar **sewa lot sejumlah RM 200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) sebulan bagi satu unit/lot gerai. Bayaran tidak termasuk penggunaan elektrik dan air.**

5. Pengusaha yang dipilih menjalankan perkhidmatan di **Kafeteria Asrama** dikehendaki membayar sewa lot sejumlah **RM 300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja)** sebulan bagi satu unit/lot gerai. Bayaran tidak termasuk penggunaan elektrik dan air.
6. Bayaran sewaan hendaklah diselesaikan pada awal bulan sebelum **5 haribulan pada setiap bulan berikutnya** termasuk bagi bulan Ramadhan walaupun perniagaan tidak dijalankan pada bulan tersebut atau pada cuti-cuti semester.
7. Bayaran bil elektrik dan air adalah tanggung jawab pengusaha. Bayaran bil elektrik perlu dibayar kepada Politeknik Sultan Idris Shah manakala bayaran bil air perlu dibayar terus kepada pihak SYABAS. Pengusaha adalah bertanggung jawab untuk membayar bil elektrik dan bil air dalam tempoh 10 hari dari tarikh bil-bil diterima.
8. Pengusaha yang berjaya mendapatkan perkhidmatan di **Kafeteria Pentadbiran** dikehendaki menyerahkan wang cagaran dalam bentuk kutipan fizikal (tunai, draf bank/Bankers Cheque, kiriman wang, wang pos atau cek), sebanyak **RM 900.00 (Ringgit Malaysia : Sembilan Ratus Sahaja)** yang merangkumi pecahan bayaran **RM 600.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ratus Sahaja)** iaitu bayaran cagaran sewa selama **tiga bulan** dan tambahan cagaran elektrik sebanyak **RM 300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja)** kepada Politeknik Sultan Idris Shah dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST).
9. Pengusaha yang berjaya mendapatkan perkhidmatan di **Kafeteria Asrama** dikehendaki menyerahkan wang cagaran dalam bentuk kutipan fizikal (tunai, draf bank/Bankers Cheque, kiriman wang, wang pos atau cek), sebanyak **RM 1,200.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Dua Ratus Sahaja)** yang merangkumi pecahan **RM 900.00 (Ringgit Malaysia : Sembilan Ratus Sahaja)** iaitu bayaran bagi cagaran sewa selama **tiga bulan** dan tambahan cagaran elektrik sebanyak **RM 300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja)** kepada Politeknik Sultan Idris Shah dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST).
10. Pengusaha hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang sah (tidak dibenarkan sama sekali menyewa atau menggunakan sijil pendaftaran perniagaan daripada dan kepada orang lain). Tindakan akan diambil sekiranya didapati bahawa pengusaha menggunakan dokumen pendaftaran milik orang lain atau membenarkan dokumen pendaftaran milik sendiri digunakan oleh orang lain bagi tujuan tawaran ini.
11. Dokumen Maklumat Am Dan arahan RFP ini boleh diperolehi secara percuma melalui pautan <https://psis.mypolycc.edu.my/index.php/interaktif/sebut-harga-tender>
12. Pengusaha hendaklah mematuhi semua piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

13. Pengusaha hanya dibenarkan berniaga di dalam lot premis sahaja. Tidak dibenarkan mengguna kawasan luar lot premis untuk membuka *stall*, kaunter atau sebagainya.
14. Operasi perniagaan di Kafeteria Politeknik Sultan Idris Shah adalah dalam bentuk penjualan tanpa tunai (*cashless*). Oleh yang demikian, setiap pengusaha Kafeteria perlu menyediakan platform sistem penjualan tanpa tunai (*cashless*) sebelum memulakan perniagaan di mana-mana lot Kafeteria. Dicadangkan menggunakan aplikasi Touch 'n Go, Boost dan QR Pay.
15. Pengusaha hendaklah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Politeknik Sultan Idris Shah dari semasa ke semasa.

**SYARAT-SYARAT KHAS PERKHIDMATAN**

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI TUJUAN SEWAAN RUANG PREMIS  
KAFETERIA DI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH, SUNGAI LANG  
45100 SUNGAI AIR TAWAR, SELANGOR DARUL EHSAN**

**(BAHAGIAN 1)  
PENYEDIAAN MAKANAN ATAU MINUMAN**

1. Pengusaha yang berjaya hendaklah menjual makanan atau minuman dengan mematuhi harga yang dipersetujui secara bersama oleh pengusaha serta kuantiti dan kualiti yang telah dipersetujui secara bersama selama tempoh masa kontrak berkuatkuasa dan tidak boleh dipinda atau diubah. Pindaan harga selain daripada yang telah ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah Politeknik Sultan Idris Shah terlebih dahulu. Pindaan harga hanya berkuatkuasa pada tarikh kelulusan diberi.
2. Pengusaha **wajib** mempamerkan senarai harga makanan atau minuman yang dijual di tempat yang sesuai dan mudah dilihat di premis Kafeteria tersebut.
3. Makanan dan minuman yang **HALAL** dari sudut Agama Islam sahaja yang dibenarkan disimpan dan dijual.
4. Pengusaha dikehendaki menjual makanan dengan syarat-syarat seperti berikut:-
  - a) Makanan adalah dari jenis yang baik dan segar.
  - b) Makanan yang dijual mesti berkualiti dengan mematuhi harga yang ditetapkan.
  - c) Mengandungi nilai zat makanan yang seimbang.
  - d) Tidak tercemar dan ditutup rapi.
  - e) Mestilah menyimpan, membekal dan menyediakan makanan yang halal sahaja dari sudut Islam. Makanan yang **TIDAK HALAL** adalah **DILARANG**.
  - f) Tidak menggunakan plastik dan polisterin bagi tujuan pembungkusan makanan atau minuman serta tidak menggunakan penyedut minuman (straw) daripada jenis plastik.
  - g) Pengusaha digalakkan menjual bekas makanan, minuman dan botol air sekiranya pelanggan tidak memilih untuk makan di Kafeteria.
  - h) Pengusaha dibenarkan untuk memasak di ruang dapur unit Kafeteria dengan pematuhan syarat-syarat ketat yang ditetapkan oleh pihak Politeknik Sultan Idris Shah.

**(BAHAGIAN 2)**  
**WAKTU OPERASI KAFETERIA**

1. Pengusaha dikehendaki menjalankan perniagaan seperti berikut:

a) Isnin hingga Jumaat (Hari bekerja sahaja)

**Kafeteria Blok Pentadbiran:**

Waktu urusan dari jam **7.00 pagi hingga 5.00 petang**

**Kafeteria Blok Asrama:**

Waktu urusan dari jam **7.00 pagi hingga 10.00 malam**

b) Sabtu dan Ahad serta hari kelepasan Am

**Kafeteria Blok Asrama:**

Waktu urusan dari jam **7.00 pagi hingga 10.00 malam**

2. Pengusaha **yang ingin menutup gerai perlu mengemukakan** surat permohonan untuk tidak beroperasi kepada Politeknik Sultan Idris Shah tiga (3) hari waktu bekerja sebelum penutupan dan mendapat kelulusan untuk tidak beroperasi.

3. Kafeteria juga hendaklah dibuka sekiranya diarah oleh Pengarah Politeknik Sultan Idris Shah pada bila-bila masa dalam tempoh perjanjian.

## **Arahan REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

1. Pengusaha yang berminat hendaklah menyediakan satu Dokumen Cadangan *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)* Bagi Tujuan Sewaan Ruang Premis Kafeteria Di Politeknik Sultan Idris Shah dalam bentuk bertulis atau bertaip dan jelas dibaca untuk digunakan bagi tujuan penilaian. Lampiran berbentuk gambar, rajah dan lain-lain yang difikirkan perlu dan sesuai serta menarik oleh pengusaha adalah amat dialu-alukan.
2. Format Kertas Cadangan adalah menurut keperluan dan kesesuaian yang difikirkan terbaik oleh pengusaha dan wajib mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
  - a) Profil pengusaha atau profil syarikat dan senarai pengalaman;
  - b) Surat permohonan secara rasmi daripada pengusaha atau syarikat;
  - c) Borang Permohonan Penyewaan Premis Demis (seperti yang dilampirkan);**
  - d) Salinan Kad Pengenalan pemilik / pengusaha kafeteria;
  - e) Salinan Sijil Pendaftaran sama ada pendaftaran SSM, MoF, Koperasi atau lain-lain yang sah dan boleh digunapakai dari segi Undang-Undang Malaysia;
  - f) Cadangan Menu dan Harga bagi makanan dan minuman yang hendak dijual. Pengusaha dibenarkan untuk menjual kedua-duanya sekali dan tidak terikat dengan ketetapan oleh pihak Politeknik Sultan Idris Shah **termasuk cadangan menu Vegetarian;**
  - g) Cadangan persembahan jualan termasuk **jumlah unit/lot gerai yang diperlukan.** Pengusaha boleh memohon untuk menyewa satu (1) atau maksimum dua (2) unit/lot daripada unit/lot yang ditawarkan;
  - h) Lain-lain maklumat tambahan yang difikirkan dapat memberikan kelebihan kepada Kertas Cadangan yang dikemukakan.
3. Dokumen Kertas Cadangan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan tajuk dan No. RFP disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Sungai Lang  
45100 Sungai Air Tawar  
Selangor Darul Ehsan  
(u.p: Unit Khidmat Pengurusan)**

4. Dokumen hendaklah dihantar selewatnya-lewatnya pada jam 12 tengahari, 27 Mac 2024.

5. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi pegawai-pegawai berikut:-

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO. TELEFON</b>	<b>ALAMAT EMEL</b>	<b>PERANAN</b>
1.	Puan Azyyati Binti Harun @ Hashim	017-2775179	<a href="mailto:azyyati@psis.edu.my">azyyati@psis.edu.my</a>	Urusetia
2.	Encik Amar bin Ibrahim	03-32806210	<a href="mailto:amar88@psis.edu.my">amar88@psis.edu.my</a>	Urusetia

6. Pengusaha yang menghantar cadangan boleh/akan dipanggil untuk melaksanakan demonstrasi atau pembentangan di peringkat penilaian. Segala perbelanjaan menghadiri dan melaksanakan demonstrasi/pembentangan tersebut adalah ditanggung oleh pengusaha itu sendiri. Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kerugian yang dialami oleh pengusaha yang hadir.

**BORANG PERMOHONAN PENYEWAAN PREMIS DEMIS**

A. MAKLUMAT PEMOHON							
INDIVIDU			Semakan Pejabat ( / )	SYARIKAT / PERTUBUHAN			Semakan Pejabat ( / )
Sila Sertakan:			( )	i. Salinan sijil pendaftaran			( )
i. Salinan Kad Pengenalan				ii. Salinan borang 24 Akta Syarikat			( )
ii. Sijil Carian Kebankrapan				iii. Salinan borang 49 Akta Syarikat			( )
				iv. Salinan artikel M.A.A.			( )
				v. Salinan Undang-Undang Tubuh/Kecil			( )
				vi. Lain-lain			( )
1.	Nama			1.	Nama		
2.	No. K/P			2.	No. Daftar		
3.	Alamat			3.	Alamat		
4.	Pekerjaan			4.	Jenis Perniagaan		
5.	Anggaran Pendapatan			5.	Modal Dibenarkan		
6.	No. Telefon			6.	Modal Berbayar		
				7.	No. Telefon		

B. MAKLUMAT PREMIS DEMIS							Semakan Pejabat ( / )
i. Salinan sijil carian rasmi daripada Pejabat Tanah Daerah/Pejabat Tanah Galian							( )
ii. Pelan tanah / Pelan Susun atur / Pelan Perancangan Tapak yang ditandakan kawasan/bahagian yang dipohon							( )
Bil.	No. Lot/ No. PT	No. Hakmilik / No. Warta Rizab	Mukim/Pekan /Bandar	Daerah	Negeri	Luas Keseluruhan	Luas Dipohon
1.	5075	285745	Bagan Nakhoda Omar	Sabak Bernam	Selangor	40.51 hektar	
2.							
3.							

C. MAKLUMAT TAMBAHAN	
1.	Nyatakan Tujuan Sewaan :
2.	Pengalaman Syarikat / Individu Dalam Bidang Perniagaan :

(sila sertakan dalam bentuk Lampiran jika ruangan tidak mencukupi)

3. Cadangan Pembangunan di atas Tapak yang Dipohon :

---

4. Anggaran Kos Pembangunan Di Atas Tapak : RM .....

---

5. Tawaran Harga Sewaan Untuk Keseluruhan Tapak yang Dipohon : RM...../bulan.

---

6. Tempoh Sewaan : ..... tahun (tidak melebihi Tiga (3) tahun).

---

7. Adakah Tapak ini akan disewa kecil kepada pihak lain ? :      YA / TIDAK

Jika “YA” sila nyatakan :

(i) Mengapa tapak ini perlu disewa kecil kepada pihak lain :  
.....  
.....  
.....(sila sertakan dalam bentuk Lampiran jika ruangan tidak mencukupi)

(ii) Anggaran Kadar Sewaan kepada pihak Ketiga : RM ..... sebulan.

**D. PERAKUAN PEMOHON:**

Bahawasanya saya mengaku maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan saya sehingga kini tidak pernah diisytiharkan sebagai muflis.

Tandatangan :  
  
Nama :  
  
Jawatan dan Cop Syarikat :  
  
Tarikh :  
  
Kepada :

<b>KEGUNAAN PEJABAT</b>	
<b>Tarikh Terima</b>	
<b>Status</b>	*Lengkap / Tak Lengkap
<b>Penerima</b>	

*“Mengemukakan maklumat / butiran palsu adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 199 Kanun Keseksaan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 3 tahun dan denda”*